

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MALAYSIA	SECTION:	BISNES
PUBLICATION:	HARIAN METRO	PAGE NO.:	69
DATE:	MONDAY, 24 SEPTEMBER 2018	FREQUENCY:	DAILY
CIRCULATION:	160,000		
HEADLINE:	TEROKA PASARAN MINYAK ANTARABANGSA		

Kuala Lumpur

Teroka pasaran minyak antarabangsa

Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC 2018) berperanan sebagai platform kepada pemain industri perkhidmatan minyak dan gas (O&G) tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan meneroka pasaran antarabangsa.

Acara itu yang akan berlangsung pada 25 hingga 27 September ini bakal menghimpunkan lebih 7,000 pelawat dagangan dan profesional daripada sektor terbabit bagi membincangkan isu, perkongsian teknologi dan padanan perniagaan.

Presiden Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia (MOGSC), Sharifah Zaida Nurlisha berkata, bagi pengajuran kali keempat



SHARIFAH Zaida

itu, pihaknya menasarkankan transaksi dagangan berjumlah RM400 berbanding RM300 juta pada dua tahun lalu.

Beliau berkata, 350 pempamer akan menyertai MOGSEC 2018 dan 60 peratus daripadanya adalah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).